

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN  
(KINABATANGAN)**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat terhadap pengkhianat yang menjual kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah langkah-langkah penambahbaikan agar kes-kes seumpama ini tidak akan berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah.

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN telah diadakan pada 18 September 2019 telah memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketat

## SOALAN NO : 49

Prosedur Pengendalian Standard (SOP) sedia ada JPN seperti mana berikut :

- a. Kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai Ahli Panel;
- b. Meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap *vendor* yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;
- c. Menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;
- d. Menukar pegawai JPN secara pusingan (*rotation*) bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, untuk meminimumkan salah guna kuasa;
- e. Menyemak semula semua Sijil Kelahiran yang belum dituntut untuk dinyahaktifkan dari pangkalan sistem bagi mengelakkan daripada disalah guna; dan
- f. Untuk jangka masa panjang, KDN akan meneliti cadangan mewujudkan Bank Data *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) dan maklumat-maklumat biometrik yang lain untuk dimasukkan dalam Sijil Kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.